

20 MAY 1999

CUEPACS MAHU DIBERI KUOTA KHAS UNTUK PENGAGIHAN RUMAH KOS RENDAH

KUALA LUMPUR, 20 Mei (Bernama) -- Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) hari ini meminta kerajaan memberinya kuota khas dalam urusan pengagihan rumah kos rendah kepada kakitangan dan pekerja yang layak.

Setiausaha Agungnya Abdul Rahman Manan berkata kuota khas itu akan membolehkan Cuepacs mengagihkan rumah berkenaan kepada mereka yang layak membelinya terutama mereka yang tinggal di bandar-bandar besar yang mempunyai kos sara hidup tinggi.

Cuepacs, katanya, menyambut baik arahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Rabu lepas agar Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri melaksanakan segera projek-projek perumahan kos rendah di negeri masing-masing.

"Tindakan ini akan mempercepatkan usaha kerajaan membolehkan rakyat berpendapatan rendah dan sederhana, terutama pekerja, untuk memiliki rumah yang mampu dibeli," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Abdul Rahman berkata arahan Perdana Menteri agar semua kementerian dan jabatan menghantar laporan projek pembangunan yang dilaksanakan kepada kabinet setiap tiga bulan sekali adalah baik dan perlu diteruskan walaupun selepas negara bebas dari kegawatan ekonomi.

Katanya kabinet juga, menerusi laporan berkenaan, hendaklah mengambil tindakan terhadap ketua jabatan yang gagal melaksanakan projek-projek yang dirancang mengikut jadual.

Tindakan ini bukan sahaja akan mempercepatkan proses pelaksanaan sesuatu projek tetapi juga mempamerkan imej yang baik kepada kementerian dan jabatan berkenaan serta para pegawai yang dipertanggungjawabkan, katanya.

-- BERNAMA

RA RON